

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2018

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

September 2018

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*



**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kesan-kesan trauma kepada emosi manusia dan sebab-sebab pesakit perlu mengatasinya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Trauma ialah pengalaman individu yang unik tentang suatu peristiwa atau keadaan yang kekal, seperti keupayaan individu untuk mengintegrasikan pengalaman dan emosi, atau terharu dengan suatu pengalaman, sama ada secara objektif atau subjektif. Trauma juga ialah pengalaman yang luar biasa, seperti rangsangan yang kuat dan berbahaya. Trauma meninggalkan kesan yang sangat menakutkan. Pesakit trauma mengalami gangguan mental akibat ketegangan psikologi dan fisiologi serta kebanyakan pesakit sukar tidur kerana insomnia yang serius. Dalam jangka masa panjang, pelbagai kesan lain akan ditanggung oleh pesakit trauma.

Dari sudut yang lain pula, pesakit tidak dapat menumpukan perhatian terhadap semua perkara yang dilakukan. Hal ini menyebabkan perkara yang dibincangkan akan terhakis daripada fikiran mereka. Pada masa yang sama, individu yang mengalami trauma akan mudah terkejut, cepat marah dan panik dalam semua situasi. Dalam situasi yang berbeza pula, pesakit sering berasa sedih dan bersalah dalam tempoh beberapa hari. Selain itu, ancaman trauma dalam kehidupan yang disebabkan oleh malapetaka, atau bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan ribut taufan akan menyebabkan pesakit mengalami mimpi yang buruk, imbasan dan reaksi yang diperbesar. Keadaan menjadi lebih kronik apabila ada pesakit yang menyuarakan keinginan untuk mati. Perkara ini telah menjejaskan aktiviti normal seseorang. Dalam hal ini, terapi kognitif tingkah laku perlu dijalani oleh pesakit, selain ubat antikemurungan, seperti *Prozac* dan *Zoloft* digunakan untuk membantu pesakit.

Masyarakat juga perlu dididik agar tidak terlalu terbawa-bawa dengan masalah yang dihadapi, sebaliknya mencari jalan penyelesaian supaya dapat keluar daripada kepompong permasalahan yang *membelenggu minda*. Pesakit didedahkan kepada tanggapan, perasaan dan keadaan yang mengingatkannya terhadap trauma yang dihadapi. Pesakit atau individu yang mengalami trauma perlu mendapat rawatan rapi dan diubati bagi melegakan simptom kemurungan dan keresahan sehingga mengganggu aktiviti normal seseorang. Tegasnya, pesakit perlu berkongsi masalah yang berkaitan dengan trauma bersama-sama ahli keluarga supaya proses pemulihan dapat dipercepat.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Trauma Mengganggu Emosi'  
oleh Rehanah Mohd Zain,  
*Dewan Kosmik*, Januari 2016



**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *membelenggu minda*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa langkah untuk mengubati trauma dalam kalangan pesakit.

Nyatakan langkah-langkah tersebut.

[3 markah]

- (iii) Peranan pelbagai pihak amat penting dalam membantu pesakit yang mengalami trauma.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk membantu pesakit trauma?

[4 markah]



**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Pesan bonda itu kekal melebat dalam hati sanubari saya. Pesan mulus yang terpahat lama di pangkal hati. Oleh itu, saya tangguhkan berkali-kali hasrat itu. Hasrat untuk menjengah warga kota yang pesat dengan kemajuan dan peradaban. Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.

Kata bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya. Kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis pada warganya yang berbilang bangsa dan bercampur aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya. Manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing.

Mereka dipecah-pecahkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan serta fahaman politik sehingga mengundang resah dan amarah. Lantas masing-masing, bangun untuk berjuang menegakkan identiti sendiri.

Dipetik daripada cerpen Munsyi  
oleh Husna Nazri,  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah pesanan bonda kepada Mel yang kekal dalam hati sanubarinya?  
[2 markah]
- (ii) Menurut bonda, kota besar itu sudah hilang segala nilai tradisinya.  
Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat semakin melupakan nilai tradisi.  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** pengajaran yang lain dalam keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.  
[4 markah]



**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta, saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka kata segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang.”

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya. Maka titah baginda, “Wah, *datanglah pula bala* atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruhkan orang berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan” dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berikan maksud *datanglah pula bala*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Temenggung selepas mendapat titah daripada baginda. [3 markah]
- (iii) Setelah kedatangan Kertala Sari ke Melaka, pelbagai kes kecurian berlaku.

Pada pendapat anda, mengapakah baginda menitahkan kegiatan kecurian itu diatasi dengan segera? [3 markah]



**Soalan 2(d) – Seloka**

*Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Berbuat Istana Zaman Dahulu**

Baginda menitahkan orang besar empat,  
Membuat istana puri berkota;  
Lalu dipanggil Pawang Raja,  
Pawang mengerah orang bekerja,  
Empat puluh empat tukang dan utas,  
Siang malam tidak berhenti.

Tujuh bulan tujuh purnama,  
Istana siap dengan alatnya;  
Besar tersergam sembilan ruang,  
Sepuluh dengan rembat guntung,  
Sebelas dengan pancung serong,  
Dua belas dengan anjung tinggi.

Tiga sudut menteri delapan,  
Tiang panjang maharaja lela,  
Tiang tengah syukur menanti;  
Galang-galangnya ular berang,  
Kasau kecil puteri menyembah,  
Kasau lentik helang berbega.

Berbunga sawa mengelampai,  
Bertakuk bersedelinggam,  
Berjenang berbatu kawi,  
Berselimpat ukir Jawa,  
Lilit-melilit akar Cina;  
Garam sebuku sisa jeragan,  
Bunga kenanga dimakan ular,  
Layang-layang di pintu Raja.

Istana siap tukang pun mati,  
Tiada orang dapat meniru:  
Dipersembahkan kepada baginda suami isteri.

*Kalung Bunga Za'ba, 2008*  
*Antologi Sejadah Rindu,*  
Dewan Bahasa dan Pustaka



- (i) Apakah yang berlaku setelah istana siap dibina? [2 *markah*]
- (ii) Istana amat penting bagi pemerintahan beraja pada zaman dahulu.  
Pada pendapat anda, apakah fungsi istana pada zaman dahulu? [3 *markah*]
- (iii) Nyatakan **dua** nilai yang terdapat dalam **rangkap pertama** dan **dua** nilai yang terdapat dalam **rangkap kedua**. [4 *markah*]



**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) serbah-serbih
- (ii) punah-ranah
- (iii) ulang-alik
- (iv) calar-balar
- (v) kusut-masai
- (vi) terang-benderang

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Barang itu perlu segera kalian ambil.
- (ii) Mesyuarat itu saya hadiri semalam.
- (iii) Nota kuliah tadi perlu anda catat.
- (iv) Mi goreng itu telah saya beli.
- (v) Novel tebal itu ditulis oleh penulis muda.
- (vi) Baju disidai oleh kakak di halaman rumah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sikap remaja yang anti-sosial akan menyebabkan mereka ketinggalan dalam bidang pendidikan pada zaman globalisasi ini.
- (ii) Tanah lapang di sebelah sekolah saya ialah hakmilik seorang ahli korporat dari Singapura yang berhasratkan untuk mendirikan kilang plastik di kawasan itu.
- (iii) Untuk menjalankan pengajian bagi mencari punca sebenar yang menyebabkan banjir besar, semua agensi kerajaan diarahkan bergabung sejak beberapa hari yang lalu.

[6 markah]



(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Seorang warga asing dihalakan ke mahkamah atas tuduhan menipu seorang jurujual dan didakwa memiliki empat keping kredit kad palsu.
- (ii) Banyak perbezaan dapat dilihat antara bilik kakak dan bilik abang terutamanya dari aspek susun arah perabot.
- (iii) Bersesuaian dengan kedudukan kampung kami di kawasan perairan, sawah yang diwarisi turun-temurun para petani usahakan.

[6 markah]

(e) *Berikan satu peribahasa yang lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa di bawah.*

- (i) Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing
- (ii) Kerana nila setitik, rosak susu sebelanga
- (iii) Bagai api dalam sekam

[6 markah]



**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib
  - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Mat Darin
  - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (viii) Silir Diksina karya Nizar Parman
- (a) Bahagian permulaan sebuah novel memainkan peranan yang penting kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan.
- Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa menarik pada bahagian permulaan bagi setiap novel tersebut, jelaskan sebab anda berpendapat demikian.
- [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** pengajaran tentang kerjasama yang terdapat dalam setiap novel tersebut.
- [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**